

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, June 12, 2019 4:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Bantu Ringankan Bebanan Nurul Najwa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 JUN 2019 / 08 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Ihsan KAMPUSUOLS

UUM BANTU RINGANKAN BEBANAN NURUL NAJWA



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) memberi komitmen untuk terus membantu pelajar, Nurul Najwa Mohd Johari yang kini dalam dilema untuk meneruskan pengajiannya di UUM berikutan masalah kesihatan yang dihadapi bapanya, Mohd Johari Said, 55.

Prihatin dengan situasi yang membelenggu pelajar Semester 4, Sarjana Muda Pemasaran itu, UUM menyalurkan beberapa bantuan antaranya bantuan kebajikan tunai dari Tabung Kebajikan Pelajar, selain membuat kutipan sumbangan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan mengusahakan bantuan zakat.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, pihak universiti mengambil berat terhadap kebajikan dan permasalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar termasuk melibatkan Nurul Najwa.

Menurutnya, UUM juga telah berhubung dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan bagi membantu penempatan ayahnya yang menghidap strok sejak enam tahun lalu dan tinggal bersendirian di rumah mereka di Kampung Haji Wan Omar, Semerak, Kelantan.

"Sebelum ini, ayahnya pernah ditempatkan di Rumah Seri Kenangan, Pengkalan Chepa, selama lebih sebulan tetapi dihantar pulang kerana tidak menepati syarat umur 60 tahun ke atas.

"Walau bagaimanapun, kita telah memohon kelulusan khas daripada JKM di sana agar Mohd Johari dapat ditempatkan semula di Rumah Seri Kenangan tersebut bagi memudahkan keperluannya dapat dijaga dengan lebih baik ketika anaknya berada di UUM," katanya.

Tambah beliau lagi, buat sementara ini, pasukan sukarelawan terdiri pelajar UUM akan membantu Nurul Najwa untuk menjaga ayahnya yang sakit itu.

Menurutnya, beliau berharap Nurul Najwa tidak berputus asa dan tidak mensia-siakan peluangnya di UUM dan pihak universiti akan memastikan kebajikan pelajar diberikan keutamaan dan mendapat perhatian sewajarnya.

Kisah Nurul Najwa mendapat perhatian UUM apabila dia kini dalam dilema untuk meneruskan pengajiannya di universiti kerana perlu menjaga ayahnya yang sakit dan tidak mampu untuk menguruskan diri di rumah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.